

04 APR 1997

Mahathir - Kuwait

KUWAIT MENARUH HARAPAN TINGGI BAGI LAWATAN DR MAHATHIR

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

BANDARAYA KUWAIT, 4 April (Bernama) -- Kuwait menaruh harapan tinggi bagi lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu yang disifatkan sebagai penting bagi mempertingkatkan hubungan Malaysia-Kuwait.

Seorang pegawai Kementerian Luar hari ini lawatan Dr Mahathir ke Kuwait dan Bahrain bukan setakat mencerminkan tanda persahabatan tetapi membawa makna kepada negara-negara Teluk terutama Kuwait.

Perdana Menteri yang akan tiba di sini esok untuk lawatan tiga hari dijangka diberi sambutan besar-besaran oleh rakyat Kuwait bagi melambangkan ketokohan beliau sebagai seorang pemimpin Islam.

"Lawatannya juga boleh dilihat sebagai petanda bahawa negara-negara Teluk kini berusaha mengalihkan tumpuan daripada Barat ke Asia Timur yang boleh menawarkan pasaran lebih baik," kata beliau.

Beliau berkata negara-negara Teluk sekarang melihat Malaysia sebagai negara yang kuat di Asia Timur dan berpendapat ini menawarkan peluang yang baik bagi ahli perniagaan Kuwait untuk mengadakan kerjasama rapat dengan rakan mereka dari Malaysia melalui usahasama.

Berikutan ini, beliau menasihati ahli perniagaan Malaysia merebut peluang untuk melabur di Kuwait, yang masih dalam proses membangunkan semula selepas Perang Teluk pada 1990.

Pegawai itu berkata negara-negara Teluk ingin mempelajari daripada Dr Mahathir bagaimana beliau menjadikan Malaysia kukuh daripada segi ekonomi dan politik.

"Sekarang, rakyat di negara-negara Teluk memberi penghargaan yang tinggi kepada Perdana Menteri," kata beliau.

Beliau berkata negara-negara Teluk juga berminat mempelajari kejayaan konsep penswastan yang dilaksanakan di Malaysia terutama perkhidmatan berkaitan elektrik dan telekomunikasi yang kini disubsidi oleh kerajaan negara-negara Teluk.

Dalam lawatan itu, Dr Mahathir akan mengadakan rundingan dengan tokoh perniagaan Kuwait di samping menghadiri majlis jamuan bersama ahli perniagaan Kuwait dan Malaysia serta menyaksikan pemeteraian perjanjian mengelakkan cukai dua kali.

Perdana Menteri juga akan melawat Menara Pembebasan Kuwait (menara telekomunikasi, menara keempat tertinggi di dunia. -- BERNAMA

ARA FAZ